

**PKR tuntutan Badrul disiasat dengan profesional**  
**MalaysiaKini.com**  
**February 26,2012**

PKR hari ini menuntut Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan pihak berkuasa menyiasat dakwaan khalwat terhadap pemimpinnya Dr Badrulamin Bahron secara telus dan profesional.

"PKR juga mengulangi komitmen parti untuk terus memelihara prinsip keadilan bagi semua pihak yang terlibat," kata setiausaha agungnya Datuk Saifuddin Nasution.

Dalam kenyataannya hari ini, Saifuddin juga berkata, pihaknya diminta JAIP untuk membantu siasatan berikutan sebuah insiden di Kuantan semalam.

Bernama semalam melaporkan Timbalan Pengarah JAIP Datuk Mohd Ghazali Abdul Aziz sebagai berkata, seorang pemimpin PKR ditangkap khalwat dengan seorang wanita berstatus isteri orang di sebuah hotel di Balok oleh pasukan penguatkuasa agama.

Mohd Ghazali bagaimanapun enggan mengulas lanjut penangkapan pemimpin PKR itu tetapi Bernama melaporkan lelaki itu pernah menggelarkan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Imam Mahdi.

Beliau sebelum ini pernah mencetuskan kontroversi apabila pada satu ceramahnya, beliau seolah-olah menyamakan Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Imam Mahdi.

yahya sahari supporters anwar ibrahim office 250608 badrul aminBadrulamin yang juga pengarah komunikasi kerajaan Selangor bagaimanapun hari ini menafikan dakwaan itu dan beranggapan kejadian itu tindakan terancang untuk memerangkap dan mengaibkannya.

Katanya, beliau hanya dipanggil untuk membantu siasatan JAIP pada 27 Februari ini dan akan hadir bersama peguamnya untuk memberi kerjasama penuh kepada siasatan berkenaan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/190345>